

26/05/2003

Pulau Pinang atasi kemiskinan dalam 10 tahun

GEORGETOWN: Kerajaan negeri menjangkakan masalah setingan dan kemiskinan dalam bandar di Pulau Pinang dapat diatasi sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata masalah kemiskinan dalam bandar terutamanya tidak dapat diatasi dalam sekelip mata

kerana sebarang projek pembangunan untuk membantu golongan miskin memerlukan tempoh masa yang lama.

"Kita sudah rancang projek pembangunan dan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

"Kita jangka dalam 10 tahun akan datang, masalah kemiskinan dalam bandar akan dapat diselesaikan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Jatidiri Rakan Muda Badan Pencegah Rasuah (BPR) 2003 Zon Utara di

Kompleks Sukan Balik Pulau, dekat sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang kecewa kerana masih ada rakyat Pulau Pinang

ketinggalan, meskipun negeri itu mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Sambil merujuk kepada perangkaan penduduk setingan dan miskin yang tinggal dalam bandar iaitu kira-kira 5,000 orang, Dr Hilmi berkata, kerajaan negeri sudah mengenalpasti kawasan yang ketinggalan dalam bandar

iaitu di kawasan pulau dan Seberang Prai.

"Memang kita akui ada kampung dalam bandar yang sesak dan keadaan yang tidak sempurna. Memang ada," katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Basmi Kemiskinan Bandar yang ditubuhkan sejak tahun lalu turut mengenalpasti kampung yang mundur.

Katanya, kampung dalam bandar seperti di sepanjang Sungai Pinang dan Jelutong adalah di antara kawasan yang sesak.

"Di Seberang Prai pula kawasan seperti Prai dan Bagan juga sudah dikenal pasti dan projek pembangunan untuk kawasan berkenaan sudah diatur," katanya.

Dr Hilmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Balik Pulau berkata, sebanyak 200 unit rumah pangsa kos rendah akan dibina di Sungai Pinang bagi mengurangkan kesesakan di kawasan berkenaan.